

18/01/2004

Politik, profesional saling memerlukan

Zainuddin Ayip

KEMASUKAN kalangan profesional dalam kabinet bukan perkara baru. Sudah ramai ahli akademik, ekonomi, doktor, jurutera dan peguam yang sebelum ini berkhidmat dalam kerjaya masing-masing dijemput menyertai kabinet bagi memantapkan pentadbiran negara.

Perkembangan ini agak ketara sejak era Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri dan diikuti Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan pelantikan terbaru Tan Sri Nor Mohamed Yakcop sebagai Menteri Kewangan Kedua.

Ini mengesahkan lagi bahawa Abdullah memang mahu golongan profesional menyandang jawatan penting terutama berkaitan ekonomi bagi meneruskan wawasan pucuk pimpinan untuk membawa Malaysia ke negara cemerlang, gemilang dan maju.

Apa pun, tidak bermakna kehadiran golongan profesional akan menyebabkan Pak Lah lepas tangan, sebaliknya Perdana Menteri berkata; "Sebagai menteri kewangan, I am the minister of finance incorporated (saya adalah menteri kewangan yang diperbadankan)."

Kehadiran Nor Mohamed memang diperlukan. Keputusan Perdana Menteri adalah tepat dan bijak. Tokoh ekonomi itu akan diminta menggunakan pengalaman dan pengetahuannya untuk memberikan khidmat terbaik di kementerian berkenaan dengan harapan prestasi Perbendaharaan akan menjadi lebih baik dan tersusun.

Ketika mengangkat sumpah jawatan, Nor Mohamed yang sebelum ini penasihat khas kewangan Perdana Menteri berjanji beliau akan berkhidmat sebagai profesional tanpa bebanan tugas politik.

Sambil menyatakan rasa syukur dengan ketentuan Allah, beliau berjanji kepada Perdana Menteri akan bekerja bersungguh dengan penuh dedikasi dan berkhidmat untuk memakmurkan negara.

Namun, pelbagai pihak yakin dengan kemasukan Nor Mohamed. Keyakinan itu turut dikongsi oleh Pengerusi Persatuan Bank-bank di Malaysia, Dr Rozali Mohamed Ali, yang percaya pelantikan beliau akan memberikan petunjuk kepada sektor perbankan tempatan meningkatkan kemajuan dalam menghadapi era globalisasi yang semakin mencabar.

Ini kerana beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam membangunkan sistem perbankan Islam di negara ini dan banyak terbabit dalam menyelaras inisiatif ke arah pembangunan perbankan Islam antara negara.

Sebelum ini (sekadar menyebut beberapa nama) memang ada tokoh profesional yang diajak menyertai kabinet.

Datuk Seri Rafidah Aziz misalnya adalah pensyarah Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya (1973-1976) sebelum menceburi bidang politik dengan jawatan pertamanya Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam bermula 5 Mac 1976, dan Timbalan Menteri Kewangan (bermula 28 Julai 1978 hingga 1980) sebelum dinaikkan pangkat sebagai Menteri Perusahaan Awam pada September 1980 dan kini Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Tan Sri Dr Musa Mohamad, ahli akademik dengan kepakarannya di bidang kimia yang ditonjolkan oleh Tun Dr Mahathir untuk menyandang jawatan Menteri Pendidikan bermula 10 Disember 1999. Sebelum itu beliau ialah Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (1982 hingga September 1995).

Tan Sri Dr Yusof Noor yang mendapat pendidikan di Mesir hingga ke peringkat Doktor falsafah (PhD) juga ahli akademik dengan jawatan terakhirnya Timbalan Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (1980-

1984) sebelum dilantik Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ogos 1984 hingga 1987) dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 1987 hingga 1990).

Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin adalah Pengarah Kor Agama Angkatan Tentera (Kagat) berpangkat Brig Jeneral bermula 1 November 1986 hingga Jun 1995 dan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) pada 1997.

Pengalamannya yang cukup luas di bidang agama termasuk menjadi Ahli Majlis Fatwa Kebangsaan pada 1994 mendorong Tun Dr Mahathir memasukkan Abdul Hamid ke dalam politik bagi mengendalikan hal ehwal agama sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada Januari 2001.

Datuk Zainuddin Maidin yang dikenali sebagai Zam mengabadikan profesion kewartawanan sejak awal 1960-an sebelum menerajui Utusan Malaysia sebagai pengarang pada 1977 hingga 1982.

Selepas dilantik senator pada 25 Februari 1998, beliau diberi kepercayaan menduduki kerusi Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan pada 17 Januari 2001 dan dinaikkan pangkat Timbalan Menteri di kementerian yang sama bermula 21 November 2002.

Persoalannya, adakah bidang politik dan profesional boleh dipisahkan? Ada juga ahli profesional yang menceburi bidang politik dengan menawarkan diri bertanding dalam pilihan raya. Ada juga yang berhasrat mendapatkan kerusi parlimen pada pilihan raya umum tidak lama lagi berikutan tempoh senator berakhir.

Harus diakui, politik dan profesional saling memerlukan untuk memantap dan melicinkan kerja. Sebagai Menteri Pendidikan, ada ketikanya Musa menghadapi tekanan daripada parti politik apabila beliau membuat sesuatu keputusan berkaitan pendidikan.

Kita tidak pasti sama ada Musa, Zainuddin, Abdul Hamid dan Nor Mohamad yang baru dilantik Menteri Kewangan Kedua hanya menyandang jawatan senator dan tidak diperlukan untuk berkhidmat sebagai wakil rakyat. Kita tunggu perkembangan sama ada Perdana Menteri akan meminta mereka bertanding pada pilihan raya tidak lama lagi.

Yang jelas, dari satu sudut, golongan profesional yang menyertai kabinet, mahu tidak mahu perlu mengetahui dan mengikuti perkembangan politik, dan jika boleh turut bergelumang dalam dunia politik jika mahu terus selesa dalam jawatan masing-masing. Namun membebaskan pengaruh politik dan korporat daripada Kementerian Kewangan memang tidak salah.

Apa pun, ada senario yang kurang menyenangkan apabila ada sebilangan ahli politik cuba menyekat kemasukan golongan profesional. Ada pemimpin peringkat cawangan dan bahagian tidak senang duduk apabila golongan ilmuwan dan profesional mahu bergerak aktif dalam politik.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin turut memandang serius perkara ini dan menyokong agar mana-mana bahagian dan cawangan Umno yang didapati sengaja menyekat penyertaan golongan profesional ke dalam parti dikenakan tindakan disiplin.

Ketika Umno berusaha keras membawa masuk golongan ini, aduan seorang ahli profesional dari Kelantan bahawa permohonannya belum diluluskan sejak 10 bulan lalu, amat mendukacitakan. Ini berlaku walaupun Umno sudah pun meminda perlembagaannya bagi membuka pintu seluas-luasnya kepada semua orang Melayu dan Bumiputera menyertainya. Sebagaimana diakui Muhyiddin sebab penolakan itu adalah kebimbangan pihak berkenaan penyertaan golongan profesional ini boleh menggugat kedudukan mereka.

Jelas dalam usaha menggerakkan jentera menghadapi pilihan raya, Umno memerlukan tenaga, idea dan sumbangan profesional untuk sama-sama mendekati masyarakat dan mendapatkan seberapa banyak sokongan rakyat.

Suntikan darah baru, muda, bertenaga dan berkelayakan dalam bidang tertentu boleh mengukuhkan kedudukan dan kewibawaan Umno. Sepatutnya profesional yang bersedia menyertai Umno diterima dengan tangan terbuka,

bukan disekat dengan pelbagai halangan. Hindari bersikap dengki, buruk sangka dan cemburu.